



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

APRIL 2024



**KURSUS ASAS PENTADBIRAN TANAH
[(KANUN TANAH NEGARA, AKTA TANAH
(KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960]** Muka Surat 3

**PROGRAM JOM BACA
BERSAMA 10 MINIT
INSTUN 2024** Muka Surat 14



MAJLIS
SAMBUTAN
HARI RAYA
AIDILFITRI
PERINGKAT
DAERAH MUALLIM
Muka Surat 17

KURSUS
PEMBANGUNAN
CONTENT VIDEO
(FILMORA)
Muka Surat 10

**MENARIK
DI DALAM**



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM

PENASIHAT
ENCIK JACOB RAJU A/L JAYADURAI

KETUA EDITOR
ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR

PEREKAAN & GRAFIK
ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ

SIDANG EDITOR

UKP BPP

UKP BPPT

UKP BUP

UKP BTM

UKP INSTUN

DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat illahi, buletin INSTUN 2024 bagi bulan April telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin instun ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Januari. Ia jugak adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwin INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan peransang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin Jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin instun pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



PROGRAM PERKONGSIAN ILMU BIL.1/2024

- Perkongsian Sistem MyLAND -Sistem Pengurusan Tanah Persekutuan dan Pembahagian Pusaka
- Fungsian Sistem GIS dan Demo Ringkas




TARIKH : 2 April 2024

TEMPAT : Secara Dalam Talian (Zoom Meeting)

PENCERAMAH : 1. Puan Noor Hasyikin Bt Ahmad Ross
– Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG

2. Cik Norkamisah Bt Abdullah
– Bahagian Pengurusan ICT Pentadbiran Tanah, JKPTG

RINGKASAN PROGRAM : Program ini telah dihadiri seramai 15 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan di BPPT. Program ini berbentuk perkongsian yang bertujuan untuk memberikan pendedahan dan kefahaman berkaitan sistem MyLAND dan demo sistem secara ringkas.



PROGRAM PEMENTORAN BPPT Bil. 2/2024

TARIKH : 2 April 2024

TEMPAT : Bilik Latihan INTAN,
Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah (BPPT), INSTUN.

RINGKASAN PROGRAM: Sesi ini telah dihadiri seramai 19 orang kakitangan dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah. Objektif sesi penilaian ini adalah untuk melahirkan dan membangunkan tenaga pengajar dalaman yang kompeten untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Sesi pada kali ini melibatkan hanya seorang (1) orang mentee yang telah membuat persembahan iaitu Pn. Nor Rahayu Bt Ibrahim yang menyampaikan tajuk Pelupusan Tanah.

Setiap mentee akan dinilai persembahan mereka dan diberikan pemarkahan oleh mentor dan barisan panel yang terlibat. Mentee-mentee yang memenuhi kelayakan yang ditetapkan akan diperakukan untuk menyampaikan ceramah bagi tajuk yang telah dipilih.



KURSUS ASAS PENTADBIRAN TANAH [(KANUN TANAH NEGARA, AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960]

TARIKH : 17 - 19 April 2024.

TEMPAT : Dewan Mukhtar, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor

PENCERAMAH :

- En. Rosdi bin Mohd Yaacob
- En. Zahar Bin Sapar
- Puan Nor Rahayu binti Ibrahim

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini dihadiri oleh pegawai sulh (mediator) dan kumpulan pendaftar mahkamah syariah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Tujuan penganjur mengadakan kursus ini adalah untuk memberikan kefahaman asas berkaitan pentadbiran tanah bersama-sama pengetahuan asas pengurusan pusaka untuk pegawai dan kakitangan lantikan baharu.



KURSUS SIJIL PENTADBIRAN TANAH : MODUL 2 BILANGAN 1 (MODUL KANUN TANAH NEGARA 2)

TARIKH : 22 hingga 26 April 2024.

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Geomatik, Blok Akademik C, INSTUN.

PENCERAMAH :
· Tn. Hj Nor Shahnaz bin Md Zahir
· Hj. Ab. Aziz bin Ismail
· Dr. Nor Akma binti Ibrahim
· En. Zahar bin Sapar – Fasilitator / Panel Pembentangan

RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 18 orang terdiri daripada Pegawai Tadbir dan Diplomatik/ Pegawai Tadbir Negeri dan Persekutuan. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkaitan peruntukkan yang bersangkutan dengan pentadbiran tanah.

Kandungan Kursus:

1. Tanggungjawab dan Kuasa-Kuasa pendaftar di bawah KTN
2. Pindahmilik, Gadaian, Lien, Pajakan, Ismen dan pendaftarannya.
3. Halangan urusniaga dan Halangannya
4. Pendaftaran perletakhakan Berkanun, Perintah perletakhakan, Probet dan Amanah
5. Proses penyediaan Hakmilik Tetap an sementara serta Penukaran Hakmilik Sementara kepada Hakmilik Tetap
6. Proses Penyediaan Hakmilik sambungan, Gantian dan Pendua serta Pendaftarannya.
7. Prosedur Pendaftaran usang dan penyeragaman syarat Nyaa di bawa KTN.
8. Pembentangan kursus dan Ujian.




KURSUS DALAM TALIAN : PINDAHMILIK TANAH- KEPERLUAN DAN PROSEDUR

TARIKH: 23 April 2024
 TEMPAT: Kursus Dalam Talian (Zoom Meeting)
 PENCERAMAH: En. Rosdi bin Mohd Yaacob - INSTUN



RINGKASAN PROGRAM: Kursus ini telah dihadiri seramai 87 orang terdiri daripada TERBUKA (Penjawat Awam Persekutuan/ Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Badan Berkanun) Objektif kursus adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan dengan aspek pendaftaran bagi pindah milik tanah



KURSUS DALAM TALIAN : PELUCUTHAKAN DAN PENGEMBALIAN TANAH DI BAWAH KTN (TLE10/24)




TARIKH : 24-25 April 2024.

TEMPAT : Dalam Talian Zoom Meet.

PENCERAMAH : - En Zahar bin Sapar
- En Abdul Malek bin Abdullah
- Tn Hj Ab Aziz bin Ismail



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 62 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan aspek tatacara dan prosedur pelucuthakan tanah. Penceramah INSTUN En Zahar bin Sapar, En Abdul Malek Bin Abdullah dan penceramah jemputan Tn Hj Ab Aziz bin Ismail.



KURSUS DALAM TALIAN : ASAS PENGAMBILAN TANAH

TARIKH : 30 April 2024.




TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : - En Azman bin Mad Dali
 - En Khalek bin Saad
 - En Huzaifah bin Amnan



RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 54 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian / Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pra Pengambilan
- Proses Pengambilan
- Pasca Pengambilan



KURSUS ASTRONOMI : ASTROFOTOGRAFI DAN CERAPAN LANGIT MALAM

22 -25 April 2024

Kursus Astronomi: Astrofotografi dan Cerapan Langit Malam merupakan kursus yang dirancang oleh Bahagian Ukur dan Pemetaan pada tahun ini. Kursus ini telah dihadiri seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada pencerap dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pelbagai negeri.

Kursus ini telah dijalankan di Balai Cerap Tan Sri Harussani (TSHO), Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Penceramah jemputan bagi menyampaikan kursus ialah Encik Shahrin bin Ahmad. Beliau merupakan seorang perunding dalam bidang astronomi dan mempunyai pengalaman luas berkaitan bidang ini.

Objektif kursus ini adalah bagi memberi latihan praktikal berkaitan cerapan imej bintang-bintang dan objek angkasa serta memproses imej angkasa yang dicerap. Antara latihan yang dijalankan bagi kursus yang diadakan ini ialah;

- i. Cara menggunakan kamera untuk cerapan bintang di langit malam
- ii. Permulaan menggunakan teleskop bagi menjejaki objek-objek astronomi
- iii. Cerapan imej astronomi, dan
- iv. Memproses hasil cerapan bagi mendapatkan imej astronomi yang baik

Diharapkan kursus ini memberikan lebih banyak pengetahuan kepada peserta tentang penggunaan peralatan untuk mencerap serta mengenali lebih banyak bintang planet dan objek angkasa raya melalui bidang astronomi.



MESYUARAT KICK OFF PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN PENENTUAN KEJITUAN PENGUKURAN KETINGGIAN MENGUNAKAN KAEDAH UKUR ARAS GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM

25 April 2024

Mesyuarat ini telah dilaksanakan di Bilik Persidangan Anjung Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN). Tujuan mesyuarat diadakan ialah sebagai mengadakan sesi permulaan projek antara INSTUN dan perunding yang dilantik iaitu UiTM Technoventure Sdn Bhd. Antara agenda mesyuarat adalah bagi memperkenalkan ahli pasukan kedua belah pihak serta perancangan halatuju projek yang akan dilaksanakan bagi tempoh dua belas bulan yang bermula pada 25 April 2024 dan berakhir pada 24 April 2025.

Seramai tujuh (7) orang wakil daripada perunding dan sembilan (9) wakil INSTUN telah menghadiri mesyuarat ini dan telah membincangkan keperluan dalam pelaksanaan projek kajian ini. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Sr Ahmad bin Omar, memangku ketua bahagian di Bahagian Ukur dan Pemetaan INSTUN.

Melalui perbincangan ini, diharapkan pelaksanaan Kajian Penentuan Kejituan Pengukuran Ketinggian Menggunakan Kaedah Ukur Aras Global Navigation Satellite System ini berjalan lancar dan selesai dilaksanakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan di samping output dan outcome yang diperolehi mencapai objektif yang disasarkan oleh Jabatan.



KURSUS PEMBANGUNAN CONTENT VIDEO (FILMORA)

23-25 April 2024

Pusat Kecemerlangan TM1, Blok Akademi B, INSTUN

Kursus yang dihadiri seramai 40 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan kakitangan di pelbagai kementerian / jabatan / agensi / badan berkanun / syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta. Objektif kursus ini ialah untuk mempelajari asas penggunaan aplikasi filmora, mempelajari teknik penggunaan tools dan features filmora dan dapat menghasilkan content video. Penceramah bagi kursus ini adalah Mohd Arizan bin Ali dan dibantu Siti Khalijah binti Mahmud dari Jabatan Pendaftaran Negara, Kementerian Dalam Negeri.



KURSUS DALAM TALIAN: KESEDARAN KESELAMATAN SIBER



24 April 2024
Dalam Talian (Online)

Kursus ini telah berlangsung secara atas talian menggunakan aplikasi ZOOM dan penstriman langsung di saluran Youtube selama 1 hari dengan dihadiri oleh 470 orang peserta dari pelbagai Agensi seluruh Malaysia.

Objektif utama penganjuran kursus ini adalah bagi memberi pendidikan kepada peserta bagi mengukuhkan keselamatan ICT jabatan mengikut kepada Dasar Keselamatan ICT. Peserta turut didedahkan kepada ancaman semasa keselamatan di dalam penggunaan sumber ICT jabatan.

Pengisian kursus ini merangkumi Pengenalan Keselamatan ICT (Pengenalan, konsep, definisi keselamatan ICT & Ancaman-ancaman keselamatan ICT), Pekeliling Mengenai Keselamatan ICT (Pekeliling berkaitan keselamatan ICT daripada MAMPU, Surat Pekeliling lain yang berkuatkuasa & Surat Arahan lain yang berkuatkuasa), Dasar Keselamatan ICT Jabatan, Aktiviti Pengukuhan Keselamatan ICT, Ancaman-ancaman Siber & Kaedah Menangani Perlindungan Peralatan ICT, Kesedaran dan Pelaksanaan ISMS ISO/IEC 27001:2013 Jabatan dan Cabaran BYOD (Bring Your Own Device) Dalam Persekitaran Kerja. Diakhir kursus, peserta telah diberi Ujian Kefahaman sebagai satu kaedah pentaksiran bagi kursus ini.

Sepanjang kursus ini berlangsung semua peserta telah memberikan kerjasama, komitmen, memberi maklumbalas serta menunjukkan minat yang tinggi dalam menyertai semua aktiviti kursus yang telah diaturkan. Metodologi yang digunakan dalam kursus ini adalah syarahan, perbincangan, latihamam dan eLearning.



MESYUARAT JAWATANKUASA PENYELIDIKAN TAHUN 2024

5 April 2024

Bilik Persidangan Anjung, INSTUN.

Pada 5 April 2024, Seksyen Penyelidikan dan Kompetensi, Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Tahun 2024. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengarah INSTUN, Tuan Khairin Nazry bin Karim dan dihadiri oleh 24 orang kakitangan termasuk urus setia. Tujuan utama mesyuarat ini diadakan adalah untuk membentangkan tajuk-tajuk penulisan artikel dan kajian penyelidikan.



Sebanyak empat (4) pembentang telah berlangsung dalam mesyuarat tersebut yang terdiri daripada satu (1) cadangan kajian penyelidikan daripada Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang bertajuk Kajian Impak Kualiti Keberkesanan Kemudahan Studio Multimedia INSTUN Terhadap Pembelajaran Dan Pengajaran Di Kalangan Tenaga Pengajar Dan Peserta Kursus INSTUN, satu (1) cadangan daripada Bahagian Ukur Dan Pemetaan (BUP) yang bertajuk Kajian Penyelidikan Penggunaan Multispektral Kamera Dalam Agrotani Bagi Mengesan Tahap Kesuburan Tanaman Padi Dengan Kaedah Pemetaan Udara, satu (1) cadangan daripada Bahagian Pengurusan Dan Perundangan Tanah (BPPT) yang bertajuk Kajian Pelaksanaan Prosedur Tindakan Di Pentadbiran Tanah Terhadap Tanah Milik Akibat Maraan/ Munduran Air Laut/Sungai Di Negeri Kelantan Dan Pahang serta satu (1) cadangan daripada BPP yang bertajuk Pengurusan Repositori Perpustakaan: Keperluan Perekodan Pengetahuan Digital Dan Prestasi Organisasi.

Penyertaan yang diterima daripada pegawai INSTUN untuk penulisan artikel sempena Hari Inovasi INSTUN yang dicadangkan berlangsung pada bulan Oktober 2024 nanti adalah sebanyak 44 penyertaan dalam bidang fungsional dan generik. Pengarah INSTUN menyampaikan amanat supaya penyertaan penulisan artikel daripada kakitangan INSTUN lebih ramai lagi.

MESYUARAT BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (BPP) BIL.2/2024

22 April 2024
Bilik Persidangan Anjung, INSTUN.

Pada 22 April 2024, Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan Mesyuarat Bahagian Bil.2/2024 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan, INSTUN.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Encik Jacob Raju A/L Jayadurai selaku Ketua Bahagian BPP dan telah dihadiri oleh 19 orang kakitangan BPP. Agenda utama mesyuarat ini adalah membentangkan pelaporan gerak kerja dari setiap seksyen dan membincangkan sebarang isu serta hal-hal yang berkaitan agar perkhidmatan BPP berjalan lancar.




PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT INSTUN 2024

23 April 2024
Perpustakaan, INSTUN

Program Jom Baca Bersama 10 Minit adalah program peringkat kebangsaan yang diadakan secara serentak di seluruh negara bagi menggalakkan budaya membaca rakyat Malaysia. Di INSTUN, program ini telah dilaksanakan pada 23 April 2024 bertempat di Perpustakaan INSTUN. Selain dari aktiviti membaca, dalam program ini juga dikongsikan resensi buku bertajuk *Atomic Habits* yang telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP), Encik Jacob Raju A/L Jayadurai.

Selain dari penyertaan secara bersemuka, warga INSTUN juga turut menyertai program ini melalui siaran langsung di Facebook rasmi INSTUN. Semoga program ini akan menyemai amalan membaca dalam kalangan warga INSTUN dan menjadikan INSTUN sebagai salah satu hub perkongsian ilmu melalui pembacaan.



BENKEL ASAS PENERBITAN BUKU DIGITAL

29 April 2024
Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), INSTUN.

Bengkel Asas Penerbitan Buku Digital telah dilaksanakan pada 29 April 2024 melibatkan seramai 30 orang peserta dalam kalangan kakitangan INSTUN. Bengkel ini bertujuan bagi memberi pendedahan dan pengetahuan asas kepada peserta berkaitan proses penerbitan buku, pendaftaran buku dan proses mendigitalkan buku. Dalam bengkel ini, peserta telah berjaya menghasilkan buku digital sendiri.


Semoga dengan penganjuran bengkel ini, dapat membantu gerak kerja penerbitan buku yang sedang dilaksanakan di peringkat bahagian di INSTUN seterusnya menjadikan penerbitan buku INSTUN akan lebih informatif dan berkualiti.



PROGRAM JOM SIHAT@INSTUN



24 April 2024 (7.45 pagi – 10.00 pagi)
Kampus INSTUN



Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) mengadakan Program Jom Sihat@INSTUN pada setiap hari Rabu. Program ini diadakan dari pukul 7.45 pagi sehingga 10.00 pagi dengan pengisian aktiviti sukan seperti jogging, briskwalk, berbasikal, bermain badminton dan aktiviti sukan yang lain. Warga INSTUN bebas melakukan aktiviti sukan pada waktu yang ditetapkan atas kebenaran Ketua Bahagian masing-masing.



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 25 April 2024 bertempat di Dewan Alwy, FRIM Kepong.

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) turut menyertai majlis ini dengan kehadiran seramai 40 orang staf. Sambutan ini diserikan lagi dengan pelbagai juadah dengan bertemakan Raya Lestari yang disediakan di reruai semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian. INSTUN tidak terkecuali menyediakan juadah enak berupa Apam Balik. Apam Balik ini siap dihidangkan daripada pasukan Apam Balik Seri Menanti Gombak.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri NRES, YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES dan juga pengurusan tertinggi NRES serta para tetamu jemputan yang lain. Sambutan Raya NRES pada tahun ini turut disajikan dengan pertandingan gerai terbaik. Alhamdulillah INSTUN sekali lagi dinobatkan sebagai juara keseluruhan gerai terbaik bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia JUPEM. Tahniah jua diucapkan kepada pasukan JUPEM atas kejayaan ini. Tahniah kepada pasukan dekorasi INSTUN kerana berjaya mengekalkan kejuaraan buat kali ketiga berturut-turut.

#INSTUN #MalaysiaMADANI #RayaAidilfitriNRES #raya2024



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT DAERAH MUALLIM

Pejabat Daerah dan Tanah Muallim telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 26 April 2024 bertempat di Arena Square, Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Slim River, Perak. Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) turut menyertai majlis ini dengan kehadiran seramai 20 orang staf. Sambutan ini diserikan lagi dengan pelbagai juadah dengan bertemakan Riang Ria Raya yang disediakan di reruai semua jabatan dan agensi di bawah jabatan masing-masing. INSTUN tidak terkecuali menyediakan juadah enak berupa Cucur Udang.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran komuniti setempat yang meraikan bersama. Sambutan Raya Daerah Muallim pada tahun ini turut disajikan dengan pertandingan gerai terbaik.

#INSTUN #MalaysiaMADANI #RayaAidilfitriMuallim #raya2024



salam
Aidilfitri

